

Pengetahuan dan Amalan Aktiviti Perbualan Pagi oleh Guru Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PPKBP) (Preschool Special Education with Learning Disabilities (PPKBP) Teachers' Knowledge and Practice of Morning Circle Activity)

KAMALA RATNAM*, ALIZA ALIAS & HASNAH TORAN

ABSTRAK

Perbualan pagi merupakan satu aktiviti yang dijalankan di kelas Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Pelbagai kemahiran dapat diterapkan melalui aktiviti perbualan pagi. Salah satu kemahiran yang diterapkan melalui aktiviti perbualan pagi ialah kemahiran sosial dan emosi. Kemahiran sosial dan emosi diperlukan oleh murid dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran. Guru merupakan agen pelaksana dalam bilik darjah yang bertanggungjawab untuk menerapkan kemahiran sosial dan emosi melalui aktiviti perbualan pagi, walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Justeru itu, guru perlukan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan aktiviti perbualan pagi dalam bilik darjah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru serta amalan aktiviti perbualan pagi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan terhadap 120 orang guru Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran dari seluruh Malaysia. Hasil dapatan yang dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif mendapati interpretasi skor bagi tahap pengetahuan guru adalah tinggi (min = 3.30, sisihan piawai = 0.40). Manakala bagi amalan aktiviti perbualan pagi pula, interpretasi skor adalah sederhana (min = 2.96, sisihan piawai = 0.36). Analisis statistik inferensi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru tentang perbualan pagi dan amalan aktiviti perbualan pagi. Hal ini memberikan kesimpulan bahawa walaupun guru mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai aktiviti perbualan pagi, namun amalan perbualan pagi didapati berada di tahap yang sederhana sahaja. Implikasi dapatan kajian ini, mencadangkan bahawa guru perlu diberikan latihan yang berterusan bagi membantu melaksanakan perbualan pagi dalam bilik darjah dengan berkesan.

Kata kunci: Pengetahuan guru, pelaksanaan, perbualan pagi, prasekolah pendidikan khas

ABSTRACT

The morning circle is an activity conducted in the Malaysian Integrated Preschools. Various skills can be applied through morning circle. One of the skills that can be inculcated in the morning circle activity is social and emotional skills. The students needs to acquire social and emotional skills to adapt in the learning environment. Teachers as agents of implementation in the classroom are responsible to inculcate the social and emotional skills in the morning circle, even though face various challenges. Therefore, teachers need to have knowledge and skills in carrying out morning circle in the classroom. The objective of this study is to identify the teachers' knowledge and the practice of morning circle in the classroom. This quantitative study used survey method with sample of 120 Malaysia Integrated Preschool teachers from all over Malaysia. The findings were analyzed using descriptive statistic and it was found that, the score interpretation for teacher knowledge was high (mean = 3.30, standard deviation = 0.40). While the practice of the morning circle activity, interpretation score was moderate (mean = 2.96, standard deviation = 0.36). The inferential statistical analysis shows that there is a significant relationship between teachers' knowledge on morning circle and the practice of morning circle activity. The implications of these findings suggest that teachers need an ongoing training to help them conduct the morning circle activity in the classroom.

Keywords: Teachers' knowledge, practice, morning circle, special education preschool

PENGENALAN

Guru sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Guru juga bertanggungjawab menyahut cabaran dengan merealisasikan hasrat falsafah pendidikan

negara melalui pengajaran di bilik darjah. Sejalan dengan itu Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 mengutamakan isu kemenjadian murid (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Fokus utama diberikan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang

kondusif. Maka bagi mencapai hasrat tersebut guru menjadi kunci utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Guru bertanggungjawab untuk menerapkan kemahiran sosial dan emosi melalui rutin harian yang melibatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara terancang ataupun tidak (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Perbualan pagi merupakan satu aktiviti rutin harian yang dijalankan di kelas Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran bagi tujuan meningkatkan pelbagai kemahiran murid. Perbualan pagi bertujuan untuk menyediakan murid dari segi mental dan emosi untuk belajar pada hari yang berkenaan dengan lebih berfokus (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Mengikut huraian kurikulum prasekolah PKBP (2010), kanak-kanak bermasalah pembelajaran terdiri daripada kategori Sindrom down, autisme ringan, perkembangan lambat, cerebral palsy (ringan) dan lain-lain masalah pembelajaran (ringan) yang telah disahkan oleh pegawai perubatan. Murid-murid ini mengikuti aktiviti perbualan pagi mengikut jadual yang ditetapkan.

Dalam bidang pendidikan, perbualan pagi bermula di New Jersey pada tahun 1991. Pelbagai istilah digunakan bagi perbualan pagi antaranya ialah *Tribes*, *Learning Circles* dan kini disebut sebagai *Circle Solutions* (Roffey & McCarthy 2013). Bagi tujuan mendapat hasil yang positif, perbualan pagi perlu diajar setiap hari dan membolehkan kanak-kanak berasa dihargai dan diterima serta bebas berkongsi idea dengan suasana pembelajaran yang selesa (Abed 2014). Setiap sesi perbualan pagi melibatkan pelbagai aktiviti yang berbeza bagi memastikan kanak-kanak menumpukan perhatian dalam memfokuskan sesuatu pengajaran (Mosley 2008). Perbualan pagi boleh juga diadaptasi bagi mengenal keperluan sosial serta komunikasi seperti kanak-kanak autisme. Ini bermakna setiap murid keperluan khas dapat melibatkan diri dalam aktiviti perbualan pagi. Salah satu matlamat utama bagi kanak-kanak ialah menyediakan mereka dengan peluang untuk belajar serta aktiviti bagi membolehkan mereka bersama dengan rakan sebaya dalam kumpulan. Hasil dapatan kajian Zheng et al. (2014) mendapati perbualan pagi sangat berkembang dari segi pengamalan di kalangan guru dan ia merupakan kaedah yang sesuai dalam meningkatkan kemahiran personal serta kemahiran sosial kanak-kanak (Lown 2002). Selain meningkatkan kemahiran bersosialisasi, perbualan pagi juga dapat mewujudkan hubungan yang baik bersama guru. Rutin harian seperti perbualan pagi memberikan peluang interaksi sosial di antara guru dan juga murid-murid. Ini menjelaskan bahawa perbualan pagi merupakan kaedah dalam membina dan mengekalkan hubungan bersosialisasi.

Oleh itu melalui perbualan pagi, murid ini belajar mengambil giliran, membantu rakan lain serta berlatih menggunakan kemahiran berkomunikasi (Danko 2004). Justeru itu, bagi menarik perhatian murid, aktiviti perbualan pagi perlu dirancang dengan teliti dan teratur supaya dapat meningkatkan kemahiran sosial dan emosi serta tahap kognitif yang membantu dalam pencapaian akademik.

Amalan perbualan pagi setiap hari disokong dengan suasana pembelajaran yang kondusif dapat meningkatkan penguasaan kemahiran sosial dan emosi (Jones & Bouffard 2012). Maka guru memerlukan pengetahuan untuk mencapai hasrat tersebut. Pengetahuan guru adalah penting dari segi pendekatan pengajaran, isi kandungan serta amalan pengajaran dalam membantu proses pembelajaran di dalam bilik darjah (Ahmad et al. 2012). Pengetahuan guru yang melibatkan kefahaman mengenai isi kandungan yang diajar berasaskan kepada kurikulum atau sukatan pelajaran. Pengetahuan dan kemahiran guru diperlukan dalam menerapkan kemahiran sosial dan emosi dalam aktiviti perbualan pagi. Kekurangan pengetahuan dan kemahiran berkenaan pengurusan kelas menyebabkan guru gagal mengenal pasti masalah murid (Schonertreichl 2017). Mengikut Jamison dan Forston (2015) perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak memainkan peranan penting dari segi pencapaian akademik pada masa akan datang. Namun begitu kajian mengenai perbualan pagi masih kurang dijalankan di Malaysia. Sehubungan dengan itu penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji pengetahuan guru tentang perbualan pagi serta amalan aktiviti perbualan pagi dalam kalangan Guru Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran.

TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan kepada Sukatan Pendidikan Prasekolah Kebangsaan masa aktiviti rutin ini diperuntukkan sebanyak 30 minit di dalam jadual waktu harian (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Perbualan pagi merupakan komponen pengajaran di kelas aliran perdana dan kelas pendidikan khas. Manakala di Amerika syarikat, aktiviti perbualan pagi yang melibatkan perkongsian idea, bercerita, menyanyi dan aktiviti yang lain dilaksanakan pada waktu pagi dan tengah hari selama 15 minit (Hyun Su 2013). Pelbagai istilah digunakan untuk perbualan pagi. Perbualan pagi juga dikenali sebagai *Magic Circles*, *Circle Solutions* dan *Learning Circles* adalah berasaskan kepada beberapa prinsip seperti demokrasi, inklusif, hormat serta selamat (Hromek & Roffey 2009). Perbualan pagi berhubung kait dengan kemahiran sosial dan emosi. Selain daripada itu, pengajaran perbualan pagi juga mampu memperkembangkan kemahiran seperti lima kemahiran yang dipelajari secara tidak langsung melalui perbualan pagi ialah kemahiran melihat, kemahiran mendengar, kemahiran bercakap, kemahiran berfikir dan juga kemahiran pengamatan (Mosley 2008). Murid belajar untuk bekerjasama serta saling menghormati antara satu sama lain. Perbualan pagi merupakan kurikulum yang membawa kepada pembangunan efektif serta membantu dalam memperkembangkan hubungan sesama manusia. Aktiviti perbualan pagi merupakan aktiviti yang boleh dijalankan secara kumpulan kecil dan besar dalam bulatan di kelas prasekolah. Antara aktiviti yang dijalankan ialah berkongsi idea berdasarkan sesuatu tema dan menjalankan

aktiviti rutin harian (Hyun Su 2013). Perbualan pagi meningkatkan kemahiran sosial dan emosi murid melalui aktiviti perbualan pagi yang dijalankan. Pelbagai aktiviti dapat dijalankan dalam menerapkan kemahiran sosial dan emosi murid (McLaughlin et al. 2017).

Murid mempelajari pelbagai aktiviti berkumpulan melalui perbualan pagi. Murid berkumpul serta mengambil bahagian dalam rutin harian yang memberikan peluang untuk belajar kemahiran bersosialisasi, berkomunikasi dan akademik (Bruce et al. 2006). Melalui aktiviti yang dijalankan secara berkumpulan murid dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi antara mereka. Selain itu, melalui rutin harian kanak-kanak dapat meramalkan aktiviti seterusnya di samping mewujudkan keselesaan dan sikap saling mempercayai di antara guru dan kanak-kanak (Boyd 2012). Perbualan pagi bukan sahaja membina hubungan antara guru dan murid, malah turut mewujudkan kesediaan murid untuk belajar pada hari yang berkenaan. Aktiviti perbualan pagi yang dijalankan oleh guru dapat meningkatkan kemahiran murid dari segi sosial dan emosi secara tidak langsung.

Model Collaborative for Academic, Social and Emotional Learning (CASEL) 2014 menyatakan terdapat lima komponen kemahiran sosial dan emosi seperti kemahiran pengurusan diri, kemahiran kesedaran diri, kemahiran membuat keputusan, kemahiran kesedaran sosial serta kemahiran berhubung. Kelima-lima kemahiran ini didapati saling berhubung kait di antara satu sama lain dan diperlukan dalam menerapkan kemahiran sosial dan emosi melalui aktiviti perbualan pagi. Kemahiran sosial meliputi kemahiran asas, kemahiran berinteraksi, kemahiran afektif serta kemahiran kognitif. Kemahiran interpersonal merangkumi cara berhubung dengan orang lain seperti cara berkawan dan bekerjasama, berkongsi barang, menunggu giliran serta boleh mengawal tingkah laku yang agresif. Manakala kemahiran intrapersonal pula merangkumi pengurusan emosi seperti mengenal dan menguruskan emosi di samping bersikap empati dan menumpukan perhatian dan menyelesaikan masalah (DeMeulenaere 2015). Ini menyebabkan kemahiran sosial perlu dikuasai bagi tujuan berinteraksi dalam membantu perkembangan kognitif seseorang. Kemahiran sosial juga memainkan peranan penting untuk seseorang berjaya dalam konteks keluarga, tempat bekerja serta dalam masyarakat (Huitt & Dawson 2011). Murid keperluan khas memerlukan kemahiran untuk menyesuaikan diri dalam situasi yang berbeza. Mengikut Denham et al. (2012) kemahiran emosi melibatkan kemahiran kesedaran sosial, regulasi sendiri serta kesedaran diri. Kemahiran emosi ini juga diperlukan oleh seseorang dalam mengekalkan hubungan dengan orang lain. Emosi yang baik dapat membina hubungan yang baik. Pengurusan emosi juga sangat penting agar seseorang itu boleh menerima serta meluahkan perasaan mengikut situasi.

Pelbagai masalah yang dihadapi oleh murid dalam kategori Bermasalah Pembelajaran. Kebanyakan murid ini mempunyai masalah dari segi membina hubungan,

diabaikan oleh rakan sebaya serta tidak memahami komunikasi bukan verbal (Schreiber 2015). Masalah penguasaan kemahiran sosial dan emosi yang berpunca dari segi kognitif, tingkah laku serta kemahiran sosial dan emosi memberikan kesan terhadap pencapaian akademik. Murid Bermasalah Pembelajaran bukan sahaja menghadapi masalah sosial dan emosi malah turut mempunyai masalah dari segi tingkah laku (Cavioni et al. 2017). Intervensi dari segi kemahiran sosial dan emosi diperlukan dan ia berhubung kait dengan pencapaian akademik murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran. Maka antara aktiviti yang perlu difokuskan kepada murid ini ialah kemahiran berkomunikasi seperti cara berbual, bertanya soalan dan kemahiran mendengar serta kemahiran sosial dan emosi seperti regulasi sendiri, pengurusan emosi dan sikap bekerjasama. Maka murid Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran perlu dibantu untuk menangani masalah mereka dari segi sosial dan emosi, tingkah laku serta akademik.

Sejajar dengan itu, guru memainkan peranan penting dalam bilik darjah. Pengetahuan dan kefahaman guru mampu mendidik dan membentuk murid-murid yang berjaya. Pengetahuan dan juga amalan pengajaran guru saling berhubung kait di antara satu sama lain. Maka kefahaman pelajar adalah berdasarkan kepada pengajaran guru. Maka pengajaran guru perlu lebih berkesan dan mudah difahami oleh pelajar. Oleh yang demikian pengetahuan guru adalah penting bagi tujuan menyampaikan sesuatu isi kandungan. Guru yang mempunyai pengetahuan yang baik, dapat mengaplikasikannya dalam bentuk pengajaran dalam bilik darjah. Mengikut akta *No Child Left Behind Act* 2001 dan *Individuals with Disabilities Education Improvement* (IDEA 2004) perlu ada guru yang berkelayakan dalam bilik darjah (Cochran et al. 2014). Ini termasuklah pengetahuan guru mengenai prinsip perkembangan kanak-kanak yang penting dalam sesuatu proses pembelajaran yang memberikan motivasi dalam menyediakan persekitaran serta pengalaman pembelajaran yang optimum. Kajian yang dijalankan di dua buah prasekolah menunjukkan terdapat perbezaan dari segi pengajaran guru. Walaupun guru mengajar menggunakan tema yang sama, namun terdapat perbezaan dari segi perancangan pengajaran serta penglibatan kanak-kanak. Oleh itu pengajaran guru adalah hasil daripada pengetahuan sedia ada seseorang guru. Ada juga guru prasekolah yang berpengetahuan dari segi menyediakan keperluan mengajar tetapi masih menghadapi masalah dalam melaksanakan aktiviti pengajaran yang bersesuaian dengan murid (Abdul Halim 2014).

Pengetahuan dan kefahaman juga penting dalam memahami gaya pembelajaran murid seperti minat dan tahap pemahaman murid terhadap pengajaran, kerana guru dapat menjangkakan yang pengajarannya berjaya (Nor Hashimah 2003). Oleh yang demikian, refleksi pengajaran juga adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu kejayaan atau kegagalan aktiviti perbualan pagi adalah bergantung kepada amalan pengajaran guru. Ini adalah kerana, guru merupakan fasilitator yang

merupakan komponen utama dalam pengajaran perbualan pagi. Kajian CASEL (2014), mendapati guru kurang latihan dari segi sosial dan emosi di kebanyakan sekolah. (Collaborative for Academic 2014; Jones & Bouffard 2012). Menurut Cremin (2012) kekurangan latihan dan juga pengetahuan guru mengajar kemahiran sosial dan emosi menjadi cabaran dalam menerapkan kemahiran sosial dan emosi dalam pembelajaran di bilik darjah. Tahap pengetahuan yang terhad adalah punca guru tidak dapat mengaplikasikan pengajaran kemahiran sosial dan emosi di dalam proses pengajaran di dalam bilik darjah dengan berkesan. Kualiti pengajaran dan pembelajaran guru adalah bergantung kepada pengetahuan dan pemahaman terhadap perkembangan sosial, emosi dan kognitif pelajar (Schonert-reichl 2017).

Maka pengetahuan guru adalah penting dari segi pendekatan pengajaran, isi kandungan serta amalan pengajaran dalam membantu proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Namun masih kurang kajian yang dijalankan terhadap domain pengetahuan kurikulum dan pelaksanaannya, pembelajaran murid serta dalam konteks pengajaran guru (Ahmad et al. 2012). Kajian mengenai kepentingan dan penerapan kemahiran sosial dan emosi dalam aktiviti perbualan pagi telah banyak dijalankan, namun begitu masih kurang kajian dari segi pelaksanaan aktiviti perbualan pagi. Strategi pengajaran yang bersesuaian dengan faktor umur kanak-kanak serta strategi berpusatkan kanak-kanak merupakan kunci kejayaan perbualan pagi (Hyun Su 2013). Pelaksanaan aktiviti perbualan pagi menjadi satu cabaran kepada guru walaupun adanya persediaan dari segi tujuan pengajaran serta aktiviti yang ingin dijalankan. Berdasarkan pengalaman guru perbualan pagi amat sukar untuk dilaksanakan dan memerlukan latihan bagi mendapatkan pengetahuan perbualan pagi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Borang soal selidik merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Kaedah tinjauan ini menggunakan sampel yang ramai dalam mengumpul maklumat dengan cepat serta kos yang rendah tetapi ianya adalah sulit (Cohen et al. 2007). Instrumen kajian ini telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan kepada kajian literatur. Setelah menetapkan konstruk, pengkaji telah menentukan pemboleh ubah setiap konstruk berkenaan. Seterusnya item soal selidik telah disediakan dengan mengambil kira faktor kepada keperluan dan fokus kajian ini. Borang soal selidik sesuai digunakan bagi sampel yang luas (Creswell & Garrett 2008). Pemilihan jawapan bagi item soal selidik ini adalah berdasarkan skala 1-sangat tidak setuju (STS) hingga skala 4-sangat setuju. Oleh kerana kekangan masa dan kos, soal selidik telah diposkan berserta dengan sampul surat beralamat sendiri bagi membolehkan responden menghantar kembali soal selidik yang telah

lengkap diisi dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagi tujuan pengumpulan data, daripada 160 set soal selidik telah diedarkan 130 set soal selidik telah dikembalikan. Hanya 120 set soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden diterima untuk tujuan analisis data. Maka soal selidik yang tidak lengkap tidak diambil kira dalam kajian ini. Mengikut (Wiersma 1995) kadar pemulangan soal selidik melebihi 70 peratus adalah mencukupi. Justeru, kadar pemulangan soal selidik dalam kajian ini adalah 75% dan ia menepati sasaran kerana melebihi 70 peratus. Maka pengkaji memilih 120 set soal selidik sahaja untuk dianalisis.

Bagi tujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan juga, kajian rintis telah dilaksanakan. Kajian rintis bertujuan untuk mengenal pasti kekurangan atau masalah yang terdapat pada item soal selidik berkenaan sebelum kajian sebenar dijalankan. Bagi tujuan menentukan kesahan kandungan dan kesahan muka, soal selidik telah diberi kepada lima orang pakar untuk mengesahkan kandungan item dan susunan ayat pada item dalam instrumen. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah disemak oleh 5 orang pakar yang melibatkan bidang Bahasa, Psikologi Pendidikan, Prasekolah serta Pendidikan Khas. Mengikut (Chua 2011), kesahan kandungan merujuk kepada sejauh mana instrumen yang digunakan dapat mewakili aspek kandungan yang ingin diukur. Dalam menentukan kebolehpercayaan soal selidik, perisian SPSS telah digunakan bagi menentukan kebolehpercayaan item iaitu sesuatu instrumen dikatakan tinggi kebolehpercayaan sekiranya pekali Cronbach Alpha melebihi 0.7 (Pallant 2001). Mengikut Chua (2011), nilai alpha yang didapati kurang daripada 0.65 perlu disingkirkan daripada kajian kerana kebolehpercayaan yang didapati rendah. Berdasarkan kepada kajian rintis item soal selidik telah ditambah baik dari segi kandungan item dan struktur ayat. Nilai Alpha Cronbach kajian rintis ialah 0.80. Analisis data bagi tahap pengetahuan dan amalan aktiviti perbualan pagi merangkumi kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Julat skor min terdiri daripada rendah, sederhana dan tinggi. Dalam kajian ini 30 orang guru Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PPKIBP) dipilih untuk dijalankan kajian rintis. Dalam menjalankan kajian rintis ini instrumen soal selidik telah dipos kepada guru berkenaan. Kajian rintis dijalankan bagi tujuan mendapatkan pengesahan kepada tahap kebolehpercayaan soal selidik kajian supaya dapatan kajian adalah sah dan boleh dipercayai.

PROFIL RESPONDEN KAJIAN

Dalam kajian ini sebanyak 88% guru prasekolah pendidikan adalah berbangsa Melayu, diikuti dengan bangsa India 8%, bangsa Cina dan lain-lain adalah sebanyak 3%. Responden yang berumur dalam lingkungan 30 hingga 39 tahun adalah seramai 64 orang (53%). Ini diikuti dengan responden yang berumur dalam lingkungan 40 hingga 49, iaitu seramai 32 orang, seterusnya berumur 20 hingga 29 adalah seramai 19 orang. Responden yang berumur lebih daripada 50 tahun adalah seramai 5 orang (4%) sahaja.

Kategori bagi pengalaman mengajar responden kajian ini dibahagikan kepada dua tahap. Tahap pertama kurang dari lima tahun dan tahap kedua lebih daripada lima tahun. Kebanyakan responden mempunyai pengalaman mengajar lebih dari lima tahun iaitu seramai 91 orang atau 76%. Manakala yang selebihnya iaitu seramai 29 orang atau 24% mempunyai pengalaman kurang daripada 5 tahun.

JADUAL 1. Demografi responden

| Jantina | Bangsa | Umur | | | | Jumlah |
|-----------|-----------|-------|-------|-------|-----|--------|
| | | 20-29 | 30-39 | 40-49 | >50 | |
| Lelaki | Melayu | 0 | 3 | 1 | | 4 |
| Perempuan | Melayu | 18 | 51 | 28 | 4 | 101 |
| | Cina | 0 | 3 | 0 | 0 | 3 |
| | India | 1 | 0 | 7 | 1 | 9 |
| | Lain-lain | 0 | 1 | 1 | 1 | 3 |
| Jumlah | | 19 | 58 | 37 | 6 | 120 |

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

PENGETAHUAN GURU TENTANG PERBUALAN PAGI

Analisis skor min dan sisihan piawai mengikut subkonstruk menunjukkan pengetahuan aktiviti perbualan pagi berada pada tahap yang tinggi (min = 3.30, sisihan piawai = 0.41). Subkonstruk aktiviti kemahiran sosial dan emosi mencatat min skor tertinggi (min = 3.45, sisihan piawai = 0.42) yang membawa interpretasi tahap tinggi. Diikuti dengan subkonstruk tujuan aktiviti perbualan pagi (min = 3.42, sisihan piawai = 0.41), subkonstruk aktiviti kemahiran emosi (min = 3.29, sisihan piawai 0.38). Bagi subkonstruk aktiviti kemahiran sosial pula (min = 3.28, sisihan piawai = 0.41) dan min terendah adalah bagi konstruk aktiviti perbualan pagi (min = 3.06, sisihan piawai = 0.38). Kesemua subkonstruk menunjukkan interpretasi tahap tinggi.

Dapatan kajian menunjukkan guru mempunyai tahap pengetahuan yang baik mengenai aktiviti perbualan pagi. Tahap pengetahuan yang baik diperlukan untuk mengaplikai dalam bentuk kemahiran. Sepertimana yang digariskan dalam Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan (2016) perbualan pagi telah dinyatakan dengan

jelas mengenai pelaksanaannya serta tujuan pelaksanaan dalam bilik darjah. Ini bermakna para guru jelas berkenaan pelaksanaan aktiviti perbualan pagi dalam bilik darjah.

Namun begitu dapatan kajian ini juga bercanggah dengan kajian (Lewis 2014) berkaitan persepsi guru mengenai latihan pengurusan kelas serta pembelajaran sosial dan emosi menyatakan kebanyakan guru tidak memahami peranan serta implikasi teori sains kognitif dan pembelajaran sosial dan emosi. Guru yang didapati kurangnya latihan berkenaan pengurusan kelas, tidak memahami kepentingan pembelajaran sosial dan emosi terhadap kognitif dan pembelajaran sosial dan emosi. Dalam kajian ini guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi mengenai perbualan pagi serta aktiviti perbualan pagi yang melibatkan kemahiran sosial dan emosi.

Mengikut CASEL (2014) implementasi sosial dan emosi yang berkualiti merangkumi pengetahuan guru, pedagogi yang berkesan dan latihan yang efektif. Ketiga-tiga aspek ini saling berkaitan antara satu sama lain. Pengetahuan guru yang disokong dengan pedagogi serta latihan yang berkesan dapat menghasilkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang baik. Maka kemahiran sosial dan emosi ini dapat diterapkan dengan adanya pengetahuan guru yang disokong dengan pedagogi yang berkesan serta adanya latihan yang berterusan kepada guru. Oleh yang demikian pengetahuan guru menjadi asas untuk guru dapat melaksanakan aktiviti perbualan pagi dalam bilik darjah.

AMALAN PERBUALAN PAGI

Amalan aktiviti perbualan pagi ini diukur dengan menggunakan empat subkonstruk, iaitu aktiviti perbualan pagi, aktiviti yang dijalankan pada setiap hari, aktiviti yang melibatkan kemahiran sosial dan emosi serta keupayaan guru menjalankan aktiviti perbualan pagi. Analisis skor min dan sisihan piawai mengikut subkonstruk menunjukkan pelaksanaan perbualan pagi berada pada tahap yang sederhana (min = 2.96, sisihan piawai = 0.43). Interpretasi tinggi adalah bagi konstruk keupayaan menjalankan aktiviti perbualan pagi dan aktiviti yang melibatkan kemahiran sosial dan emosi. Bagi subkonstruk keupayaan menjalankan perbualan pagi (min = 3.22, sisihan piawai 0.33). Manakala bagi subkonstruk aktiviti perbualan pagi yang melibatkan kemahiran sosial dan emosi ialah (min = 3.09, sisihan piawai = 0.34). Interpretasi tahap sederhana

JADUAL 2. Skor min, sisihan piawai dan tahap pengetahuan guru

| Konstruk | Subkonstruk | Skor Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|-------------|-------------------------------------|----------|----------------|--------------|
| Pengetahuan | Aktiviti Perbualan Pagi | 3.06 | 0.38 | Tinggi |
| | Tujuan Aktiviti Perbualan Pagi | 3.42 | 0.41 | Tinggi |
| | Aktiviti Kemahiran Sosial | 3.28 | 0.41 | Tinggi |
| | Aktiviti Kemahiran Emosi | 3.29 | 0.38 | Tinggi |
| | Aktiviti Kemahiran Sosial dan Emosi | 3.45 | 0.42 | Tinggi |
| | Keseluruhan | | 3.30 | 0.40 |

JADUAL 3. Skor min, sisihan piawai dan pelaksanaan aktiviti perbualan pagi guru

| Konstruk | Subkonstruk | Skor Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|----------|---|----------|----------------|--------------|
| Amalan | Aktiviti Perbualan Pagi | 2.62 | 0.44 | Sederhana |
| | Aktiviti yang dijalankan | 2.91 | 0.64 | Sederhana |
| | Keupayaan menjalankan aktiviti Perbualan Pagi | 3.22 | 0.33 | Tinggi |
| | Aktiviti Perbualan Pagi melibatkan kemahiran sosial & emosi | 3.09 | 0.34 | Tinggi |
| | Keseluruhan | 2.96 | 0.43 | Sederhana |

pula adalah untuk konstruk aktiviti perbualan pagi yang dijalankan (min = 2.91, sisihan piawai = 0.64) dan diikuti dengan subkonstruk aktiviti perbualan pagi (min = 2.62, sisihan piawai 0.44).

Guru bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti perbualan pagi. Bagi mencapai hasrat tersebut guru berperanan untuk memastikan kompetensi asas kemahiran sosial dan emosi ini dicapai melalui pendidikan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid (Amin 2018; Schonert-reichl 2017). Maka melalui pelaksanaan aktiviti perbualan pagi guru dapat menyerapkan kemahiran sosial dan emosi dalam kalangan murid prasekolah pendidikan bermasalah pembelajaran.

Selaras dengan dapatan kajian (Zaghlawan & Ostrosky 2011) guru didapati hanya menjalankan beberapa aktiviti sahaja semasa perbualan pagi iaitu aktiviti menyanyi dan kemahiran akademik. Manakala aktiviti lain yang dapat memupuk perkembangan kemahiran sosial dan emosi seperti aktiviti mengenal kalendar dan perbincangan dalam kumpulan tidak dilakukan semasa perbualan pagi. Walaupun banyak aktiviti lain yang boleh dijalankan, tetapi guru hanya menjalankan aktiviti asas seperti mengucapkan selamat pagi, mengenal kalendar dan juga mengambil kehadiran murid.

Seperti yang dinyatakan oleh dapatan kajian (Collins & Kavanagh 2013) guru memerlukan kemahiran bagi mengendalikan aktiviti perbualan pagi seperti mempunyai hubungan baik dengan murid, penyayang dan baik hati, berkomunikasi dengan baik, bersikap empati dan memahami serta berkongsi pengalaman bersama murid. Selain itu, kebolehan mewujudkan suasana pembelajaran yang selamat dan penggunaan teknologi dalam aktiviti juga penting dalam mengendalikan aktiviti perbualan pagi. Pengetahuan, kemahiran dan suasana pembelajaran adalah perlu dalam pengajaran kemahiran sosial dan emosi (Schonert-reichl 2017). Dapatan kajian yang dijalankan oleh (Ahmad & Abu Hanifah 2015) menunjukkan bahawa suasana pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan melalui pengurusan tingkah laku kerana meminimumkan tingkah laku murid yang bermasalah serta memaksimumkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran.

Selaras dengan dapatan kajian CASEL (2014), mendapati guru kurang mendapat latihan dari segi kemahiran sosial dan emosi di kebanyakan sekolah. Justeru itu kekurangan latihan dan juga pengetahuan guru

mengajar kemahiran sosial dan emosi menjadi cabaran dalam implementasi kemahiran sosial dan emosi dalam bilik darjah. (CASEL 2014, Jones & Bouffard 2012, Cremin 2012). Kajian (Glazzard 2016) juga menyatakan latihan kepada guru perlu ditambah supaya guru dapat melaksanakan aktiviti perbualan pagi dengan lebih baik. Ini bermakna guru memerlukan latihan secara berterusan dalam meningkatkan profesionalisme mereka.

Kemahiran serta keyakinan guru perlu bagi mengajar kemahiran sosial kepada murid bermasalah pembelajaran dalam mengurangkan masalah tingkah laku (Cartledge 2005). Maka dalam membantu melaksanakan aktiviti perbualan guru memerlukan keyakinan yang bertujuan untuk mengawal kelas serta dapat mengurangkan masalah tingkah laku murid. Dengan adanya keyakinan guru dapat melaksanakan perbualan pagi tanpa sebarang masalah. Maka pengetahuan diperlukan bagi guru mendapat kemahiran dan berupaya untuk mengajar aktiviti perbualan pagi dalam kelas.

Kecekapan dan kemahiran guru diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar berjaya dilaksanakan (Ahmad & Abu Hanifah 2015). Dapatan kajian ini juga menyokong kajian (Schonert-reichl 2017) yang menekankan bahawa guru yang mendapat latihan yang secukupnya, dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan dan murid mendapat hasil yang positif daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu pengetahuan guru dapat membantu dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan dalam bilik darjah.

HUBUNGAN PENGETAHUAN GURU DAN AMALAN AKTIVITI PERBUALAN PAGI

Analisis dijalankan dengan menggunakan Ujian Korelasi Spearman's Rho bagi melihat hubungan antara pengetahuan guru dengan amalan aktiviti perbualan pagi oleh guru. Keputusan yang dipaparkan pada Jadual 4 menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dan pelaksanaan aktiviti perbualan pagi dengan nilai $r = 0.577$, $p = 0.000$.

Secara keseluruhannya analisis korelasi di Jadual 4 menunjukkan terdapatnya hubungan positif yang kuat dan signifikan antara pengetahuan guru dan pelaksanaan aktiviti perbualan pagi dalam bilik darjah. Dapatan ini membawa maksud bahawa semakin tinggi tahap pengetahuan guru,

JADUAL 4. Analisis Korelasi Spearman's Rho antara pengetahuan dan amalan aktiviti perbualan pagi

| | | Amalan Aktiviti Perbualan Pagi |
|----------------------------------|-------------------------|--------------------------------|
| Pengetahuan Guru | Correlation Coefficient | .577** |
| Mengenai Aktiviti Perbualan Pagi | Sig. (2-tailed) | .000 |
| | N | 120 |

** . Signifikan pada aras 0.01

semakin tinggi pelaksanaan aktiviti perbualan pagi. Keputusan ini membawa implikasi bahawa guru yang mempunyai pengetahuan yang tinggi berkemungkinan cenderung dalam melaksanakan aktiviti perbualan pagi dalam bilik darjah. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti perbualan pagi dapat dijangkakan daripada pengetahuan guru yang tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya didapati bahawa tahap pengetahuan guru mengenai perbualan pagi berada di tahap tinggi. Pengetahuan guru adalah penting bagi tujuan guru dapat menerapkan kemahiran emosi dan sosial semasa aktiviti perbualan pagi di dalam bilik darjah. Namun begitu interpretasi min dan sisihan piawai bagi konstruk pelaksanaan aktiviti perbualan adalah sederhana. Walaupun tahap pengetahuan guru menunjukkan interpretasi yang tinggi, tetapi dari aspek amalan perbualan pagi adalah di tahap sederhana. Maka langkah sewajarnya perlu diambil agar guru dapat melaksanakan aktiviti perbualan pagi di bilik darjah dengan berkesan iaitu guru perlu diberikan latihan dalam melaksanakan aktiviti perbualan pagi supaya mereka mahir untuk melaksanakan aktiviti pengajaran perbualan pagi.

Pengetahuan dan kefahaman juga adalah penting agar guru dapat memahami anak muridnya. Sekiranya kanak-kanak didapati berminat dan memahami pengajaran, maka guru dapat menjangkakan bahawa pengajarannya berjaya (Nor Hashimah 2003). Oleh itu kejayaan atau kegagalan aktiviti perbualan pagi adalah bergantung kepada pengajaran guru. Ini adalah kerana, guru merupakan fasilitator yang merupakan komponen utama dalam pengajaran perbualan pagi. Pelaksanaan aktiviti perbualan pagi perlu dititikberatkan kerana ia merupakan sebuah aktiviti yang meningkatkan kesediaan murid untuk belajar di samping meningkatkan kemahiran sosial dan emosi murid. Hasrat Kementerian yang dinyatakan melalui Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 untuk menyediakan latihan untuk guru Pendidikan Khas di samping perkongsian amalan terbaik harus disegerakan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2013). Guru-guru perlu menguasai pengetahuan dan kemahiran bagi mengatasi masalah tingkah laku, sosial dan emosi serta disiplin kanak-kanak dalam kelas. Pengajaran kemahiran sosial dan emosi perlu diajar kepada

para guru melalui latihan (Schonert-reichl 2017). Sekiranya guru mendapat latihan secara berterusan, maka guru dapat mengamalkan aktiviti perbualan pagi dalam bilik darjah dan membantu menerapkan kemahiran sosial dan emosi. Kajian ini terbatas dengan hanya menggunakan kaedah tinjauan dan melibatkan guru sahaja. Maka kajian lanjutan secara kualitatif diperlukan bagi mendapat maklumat yang terperinci supaya dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru serta menambah baik amalan aktiviti perbualan pagi di bilik darjah Kelas Prasekolah Pendidikan Khas Bermasalah pembelajaran.

RUJUKAN

- Abdul Halim Masnan. 2014. Amalan pedagogi guru prasekolah permulaan. Tesis Dr. Fal, Universiti Sains Malaysia.
- Abed, M. 2014. Self-esteem: enhancing good practices and overcoming barriers. *Life Science Journal* 11(10): 126-136.
- Ahmad, N. A. & Abu Hanifah, N. H. 2015. Tahap pengetahuan guru pendidikan khas apabila mengurus murid bermasalah pembelajaran. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 30: 73-88.
- Ahmad, N. A., Mahamod, Z. & Zahara Aziz. 2012. Pengajaran kemahiran komunikasi bagi murid-murid bermasalah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2: 11-18.
- Amin, S. 2018. Melangkah ke hadapan. Fokus & gerak kerja profesional KPPM 2018. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Boyd, L. 2012. Inspirations from one toddler classroom : Basics of the Reggio Emilia approach. *Texas Child Care Quarterly* 36(3).
- Bruce, S., Gulick, J., Jones, J., Pike, E. & Fasy, C. 2006. Making Morning Circle Meaningful 2(4).
- Cartledge, G. 2005. Learning disabilities and social skills: Reflections. *Learning Disability Quarterly* 28: 179.
- Cavioni, V., Grazzani, I. & Ornaghi, V. 2017. Discussion paper social and emotional learning for children with learning disability: Implications for inclusion. *International Journal of Emotional Education* 9(Special Issue): 100-109.
- Cochran, D. C., Gallagher, P. A., Stayton, V. D., Dinnebeil, L. A., Lifter, K., Chandler, L. K. & Christensen, K. A. 2014. Early Childhood Special Education and Early Intervention Personnel Preparation Standards of the Division for Early Childhood : Field Validation.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2007. *Research Methods in Education*. Education 55.
- Collaborative for Academic, S. A. E. L. (CASEL). 2014. *THE MISSING PIECE: A National Teacher Survey on How Social and Emotional Learning Can Empower Children and Transform Schools*.
- Collins, B. & Kavanagh, A. M. 2013. *Student Teacher's Experiences of Circle Time: Implications for Practice St. Patrick's College of Education Dublin City University*.
- Creswell, J. W. & Garrett, A. L. 2008. The "movement" of mixed methods research and the role of educators. *South African Journal of Education* 28: 321-333.
- Danko, C. D. 2004. *Improving The Engagement Levels of Preschool Children With Autism Through The Use of A Visual Supports Package During Circle Time*.

- DeMeulenaere, M. 2015. Promoting social and emotional learning in preschool. *Dimensions of Early Childhood* 43(1): 8-10.
- Denham, S. A., Bassett, H. H., Mincic, M., Kalb, S., Way, E. & Wyatt, T. 2012. Social-emotional learning profiles of preschoolers' early school success: A person-centered approach. *Learning and Individual Differences* 22(2): 178-189.
- Glazzard, J. 2016. The value of circle time as an intervention strategy. *Journal of Educational and Developmental Psychology* 0: 0-16.
- Hromek, R. & Roffey, S. 2009. Promoting social and emotional learning with games. *Simulation & Gaming* 40(5): 626-644.
- Huitt, W. & Dawson, C. 2011. Social development: Why it is important and how to impact it. *Social Development* (2006): 1-27.
- Hyun Su, K. 2013. *Korean Pre-Service Teacher's Practical Knowledge Regarding Circle Time*. University of Texas.
- Jamison K. R., Forston L. D., S. T. L.-C. 2015. Encouraging social skill development through play in early childhood special education classrooms. *Young Exceptional Children* 15(2): 3-19.
- Jones, S. M. & Bouffard, S. M. 2012. Social Policy Report V26, #4: Social and Emotion Learning in Schools: From Programs to Strategies 26(4).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah). *Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia*. http://www.moe.gov.my/cms/upload_files/articlefile/2013/articlefile_file_003113.pdf.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Pendidikan Prasekolah. Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lewis, S. 2014. *Elementary Teachers' Perspectives of Traditional Classroom Management Training and Social Emotional Learning*.
- Lown, J. 2002. Circle Time: The perceptions of teachers and pupils. *Educational Psychology in Practice* 18(2): 93-102.
- Mclaughlin, T., Aspden, K. & Clarke, L. 2017. How do teachers support children's social – emotional competence? Strategies for teachers 21(2): 21-27.
- Mosley, J. 2008. *Appendix 2 Preparing for Circle Time The Five Learning Skills*.
- Roffey, S. & Mccarthy, F. 2013. Circle Solutions, a philosophy and pedagogy for learning positive relationships: What promotes and inhibits sustainable outcomes? *The International Journal of Emotional Education* 5(1): 36-55.
- Schonert-reichl, K. A. 2017. Social and Emotional Learning and Teachers. *Spring* 27(1).
- Schreiber, N. M. 2015. *Social and Emotional Learning Teaching Practices in Kindergarten to Third Grade*. Humboldt State University.
- Wiersma, W. 1995. *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston: Allyn Bacon.
- Zaghlawan, H. Y. & Ostrosky, M. M. 2011. Circle time : An exploratory study of activities and challenging behavior in head start classrooms. *Early Childhood Education Journal* 38: 439-448.
- Zheng, C., Erickson, A. G., Kingston, N. M. & Noonan, P. M. 2014. The Relationship Among Self- and Academic Achievement for Students with Learning Disabilities.

Kamala A/P Ratnam*
SMK Seri Kandi
Jalan Padang Tembak
36000 Teluk Intan, Perak
Email: saktheekamala@gmail.com

Aliza Alias
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Email: eliza@ukm.edu.my

Hasnah Toran
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: hasnato@ukm.edu.my

Pengarang untuk surat-menyurat, email: saktheekamala@gmail.com

Diserahkan: 15 Ogos 2018
Diterima: 11 Oktober 2018
Diterbitkan: 31 Disember 2018